

KERATAN : Utusan Borneo TARİKH : 03.08.2014
: _____ M/S : (B5)

Sambungan minggu lalu

Tema dan pemikiran besar dalam teater Sabah

TEATER sebagai medium penyalur maklumat baik berbentuk hiburan, sindiran mahupun propaganda banyak bergantung kepada daya sentuhan kreatif seseorang pengarah yang bertindak selaku pengemudi sesuatu produksi.

Dimana di dalamnya terdapat beberapa komponen-komponen yang membantu untuk menggarap jalinan cerita dan persembahan hingga ianya dilihat berjaya.

Antaranya pencahayaan. Peranan cahaya bukan semata-mata memberikan cahaya kepada ruang lakon namun ianya lebih berfungsi kepada aspek ketegasan watak dan mood (senografi) juga peranan props dan busana, koreografer gerak, elemen dan kesan bunyi dan yang paling utama pengamatan yang tinggi, teliti serta daya kreatif daripada seseorang pengarah itu.

Untuk membandingkan kerja-kerja teater kita di Sabah dengan di semanjung (kuala lumpur) mungkin agak keterlaluan selain sifat teater itu berbentuk subjektif. Tidak dinafikan kita juga banyak belajar daripada karyawan-karyawan tersohor termasuklah para ilmuan-ilmuan teater dari Indonesia dan barat, termasuklah dalam soal penajaan. Para penggiat di kuala lumpur agak terdedah dengan media bagi memudahkan mereka mendapat liputan, tajaan dan seterusnya sokongan institusi tertentu disamping khalayak yang lebih ramai sedangkan kita di Sabah untuk mendapatkan tajaan ibarat "meminta sedekah" dan tidak kurang juga terpaksa mengeluarkan ongkos sendiri.

Kalaupun ada bantuan pihak kerajaan hanyalah berbentuk musim, kita hanya mengharapkan program rasmi yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti teater perdana (Kerajaan negeri) dan festival

Teater (JKKN). Namun demikian segala kerumitan itu bukan penghalang kepada kemajuan berteater di Sabah.

Dalam keadaan terhimpit itu para penulis dan pemikir teater di Sabah masih mampu menghasilkan karya-karya bermutu, dari aspek tema-tema dan pemikiran yang besar, ini merujuk kepada karya-karya Hasan Saprin menerusi teater "Gong", Hamzah Hj Lahab "Tangga", Teater "Tanah" Jamil Arif, "Akinabalu" Juhaili Sidik, "Sambulayang" Nandra Hitong, (sekadar menyebut beberapa nama mewakili karyawan sabah).

Mereka ini orang kecil dalam dunia teater tapi berkemampuan dalam melahirkan pemikiran besar dalam berkarya, melihat kepada tajuk dan pementasan teater hasil tangan mereka jelas memperlihatkan satu sensitiviti yang tinggi hasil cerminan dan pengamatan suasana semasa institusi politik dan ekonomi sabah waktu itu.

"Permakaman Kadok Besar" Jamil Arif, "UNCLE" Osman Nasroh, "kerusi" Marzuki Ali menzahirkan perasaan yang bongkak akan kuasa yang dimiliki hinggalah membawa kepada kejatuhan, "Runtuhnya Tabir Besi" Taat Alias, "Tetamu" Makuji Maturon, "Mimbar" Marzuki Ali, "Adam dan Hawa" Nasrayadi Abdullah "Embok Kokok" A. Karim Kadir, menggunakan simbol-simbol surealis dalam menyampaikan kritikan yang dilakukan secara halus dan simbolik hingga tidak

langsung menyakiti mana-mana pihak walaupun menyentuh mesej dan isu yang besar dan sensitif, manakala teater Perdana "Musikal Legenda Tun Mustapha" Hamzah Lahab, "1897" Ramli AR, "Paduka

Mat Salleh" A Karim Kadir, "Antenom" Karim Ghulam, "Potrait" Rashid Diman, "Dirgahayu kemerdekaan" Jalil Sulai "Embo Ali" Mohd Nor Makbul antara teater yang memaparkan semangat patriotik beralaskan tipainduk sejarah perjuangan Paduka Mat Salleh.

Sejarah Sabah tidak ketinggalan juga karya-karya yang dilhamkan dari legenda-legenda agung negeri Sabah antaranya "Akinabalu" mitos agung masyarakat Dusun yang mendiami lembah gunung Kinabalu mempercayai bahawa adanya satu kuasa dari puncak gunung mengawal hidup dan mati dimana setiap roh simati akan bersemayam dipuncak gunung,

Juhaili Sidek, "Layar Al Makdum" Jamal Sulai, mengupas hikayat pelayaran Sharif Auliah Al Makdum Al Kubra yang membawa ajaran Islam ke Borneo Utara dan memelukkan Islam seorang masyarakat peribumi (idahan) dalam tahun 1508 di Teluk Darvel, "Legenda Sampang Magazau" sebuah legenda tradisi masyarakat Rungus Makuju Maturon, "Tingkurun" mengangkat mitos masyarakat labuk sugut Telupid, Fauziah Abdullah, "Raja Siraja Merawi" mengangkat mertabat sistem pemerintahan seorang pemimpin agung Sama / Iranun Sairah Hj Antin (arwah) Teater ekperimental satu aliran yang baru dan asing bagaimanapun ianya sudah mula bertapak di Sabah sejak awal 80an lagi dimana antara peingerak awalnya terdiri daripada Musa Masran bersama rakan-rakan seperti Nandra Hitong, Karim Kadir, Lina Mohd Lin, Dayang Halimah Pg Ibrahim menerusi kumpulan Teater Nasional Kota Kinabalu malah berjaya mementaskan STREET TEATER (teater

“ Teater masakini sudah berubah. Proses pembikinannya turut berubah dan serba kompleks, untuk menyediakan satu produksi yang baik memerlukan masa dan kewangan yang besar malah istilah "tiada satupun yang free" sudah menular menjadi budaya orang teater di Sabah. Untuk mencari seorang petugas penarik dan penutup tirai pun memerlukan bajet (kewangan) apatah lagi pengarah dan pelakon.



SALAH satu adegan latihan teater bertajuk 'Asap'. -Sekadar gambar hiasan

jalan) di Jalan Gaya Kota Kinabalu. Demikian juga dengan Masbak Rumanshid menerusi teater spontannya yang berbentuk sinis dan sindiran.

Sesungguhnya sumbangan mereka ini amat bermakna sekali dalam kita mengkaji semula peranan dan pertanggungjawaban penulis dan pengkarya dalam konteks penghasilan teater (seni) di Sabah

TEATER SABAH MASAKINI

Ramai khalayak seni sastra (teater) menganggap dunia teater di Sabah berada dalam keadaan malap dan muram. Ini berkemungkinan diukur melalui perbandingan antara gerakan teater era 70an dan 80an ditambah pula penyertaan dan sambutan kumpulan teater di Sabah terhadap sesuatu program kerajaan khususnya Festival Teater anjuran Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian negara amat menyedihkan.

Bayangkan ada ketika sesuatu festival itu hanya disertai tiga atau empat kumpulan sahaja keadaan ini amat berbeza sekali kalau dibandingkan dengan keadaan sekitar 70an dan 80an dimana untuk pertandingan diperingkat daerah sahaja pihak penganjur memerlukan antara 3 hingga 4 hari untuk memberi peluang kepada 10 atau 12 kumpulan mementaskan

teater mereka. Keadaan sekarang bertambah kronik lagi kerana kebanyakan kumpulan teater kita hanya layak di peringkat penilaian sahaja kalau dibandingkan dengan kerja-kerja teater kita dahulu yang bukan sahaja mampu memenangi hadiah utama(johan) di peringkat kebangsaan malah mampu menggondol hadiah-hadiah seperti Pengarah Terbaik (Hamzah Lahab, Hasan

KPAS, JKKN Sabah, Lembaga Kebudayaan Sabah satu badan yang dipertanggungjawabkan dalam mencungkil, menjaga dan memelihara entiti seni wajar mengkaji semula beberapa strategi yang dikira sudah agak terkebelakang dalam konteks teater semasa. Antaranya Festival Teater yang saya rasa memerlukan suntikan dana yang lebih

Kita merakamkan penghargaan dan terima kasih diatas kesediaan JKKN Sabah yang telah menyediakan auditorium yang lengkap dengan sistem bunyi dan pencahayaan serta runag pentas dan

menonton yang selesa malah dikhabarkan ianya tidak dikenakan sebarang pembayaran bagi kumpulan-kumpulan

pembimbing (aktivis) seni di Sabah bagi melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam usaha kita mempertingkatkan nilai dan mutu seni sekaligus pengurusan seni yang berintegriti di sabah.

TEATER SATU PERJALANAN YANG PANJANG

Bersaksikan monumen
- monumen peninggalan



Saprin) pelakon terbaik (Norjaya Suari dan Ali Ahmad), senografi dan teknik pencahayaan terbaik.

Teater masakini sudah berubah. Proses pembikinannya turut berubah dan serba kompleks, untuk menyediakan satu produksi yang baik memerlukan masa dan kewangan yang besar malah istilah "tiada satupun yang free" sudah menular menjadi budaya orang teater di Sabah. Untuk mencari seorang petugas penarik dan penutup tirai pun memerlukan bajet (kewangan) apatah lagi pengarah dan pelakon.

khususnya menaikkan nilai hadiah, membiayai kos produksi dan kebajikan peserta Festival, mengadakan siri festival teater di peringkat negeri dan daerah, mengujudkan hadiah berupa penghargaan kepada Pengarah Terbaik, Pelakon lelaki dan wanita terbaik, senografi terbaik, skrip terbaik disamping menyediakan satu majlis khas bagi tujuan menyampaikan hadiah-hadiah penghargaan kepada para pengiat teater di Sabah manakala di peringkat Universiti Malaysia Sabah perlu juga membuka ruang untuk para peminat teater dari luar kampus untuk sesekali menyertai bengkel ataupun aktiviti teater ataupun aktiviti teater kelolaan pusat seni UMS.

amatur yang ingin mementaskan teater (seni) di kompleks yang serba mewah itu.

Demikian juga peranan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar menerusi Lembaga Kebudayaan Sabah yang sedang berusaha mengumpulkan naskah-naskah yang dihasilkan sekitar tahun 70an dan 80an bagi tujuan penerbitan.

Sekurang-kurangnya ini satu perkhabaran yang baik bagi penggiat seni teater di Sabah dan dilihat satu kelangsungan dalam dunia teater di sabah. Di samping itu kita juga mencadangkan agar pihak kerajaan menyediakan biasiswa bagi membiayai beberapa orang tenaga

zaman lampau dimana stadium teater bukan sekadar berfungsi sebagai tapak persembahan malah lapangan teater waktu itu juga berfungsi sebagai lokasi perhimpunan di mana tentera-tentera menerima arahan berapi-api sebelum menuju medan perang dan tidak kurang juga tempat dimana raja-raja berhibur sambil menyaksikan orang-orang tahanan -dibunuh dengan cara beradu dengan singa. Hiburan dalam konteks teater tidak sama sifatnya dengan hiburan biasa yang santai, hiburan dalam teater bercampur baur antara senyum, ketawa, muram dan air mata.

Dalam teater ada satu aliran yang dipanggil KHARTASIS, (pengaliran

keluar) keadaan ini berlaku biasanya diperingkat penghujung persembahan (klimaks) sesebuah teater, teater "lembut tapi mengegarkan" jantung dan jiwa. Teater adalah jambatan penghubung sejarah yang panjang "bernoral dan beretika".

Kehidupan kita di Sabah sebenarnya amat rapat dan dekat dengan elemen-elemen teater, dengan kedudukan masyarakat yang datang dari pelbagai kaum, anutan kepercayaan, kita sebenarnya telah membesar bersama alam teater, bermula dari alam bayi lagi kita sudah dibuai dengan lagu-lagu dan cerita-cerita mitos rakyat, cerita panji keagungan raja-raja, magis dan dewa-dewa sebagai contoh mitos akinabalu(Dusun), bombohizan(Kadazan), betitik dan sidawidawi (Bajausama) Kadandiu (Tidung) Penasang (Bajau) runcai dan isun-isun (Iranun), ajung berlabuh (Orang Sungai), atod-atod(Bonggi),hikayat samurung awan(Idahan), hikayat bujang sigandam (Berunai) Bubu mengalai (Bisaya) Berasik (Murut) Tawog-tawog (Begahak) malah masih banyak lagi elemen-elemen yang mana, tanpa disedari telah membentuk alam peradaban sekeliling.

"Teater satu perjalanan yang panjang yang entah dimana hujungnya, apa salahnya sesekali kita menoleh kebelakang untuk melihat lebih jauh ke hadapan dalam kita mempasti dan mengharapkan TATABA yang ada ini perlu dijaga dan dipelihara.

.....

Artikel disumbangkan oleh
JAMAL SULAI